



1001 Masalah

Abu Al-Mokhtar Sedia Menjawab..

(Khas bagi majalah Qalam sahaja – tidak dibenarkan kutip)

Soal: Bulan Safar telah dekat. Kebiasaannya banyak orang menunggu-nunggu hari Safar itu. Dan juga pada hari itu ramai orang mandi Safar dan bekelah, lelaki perempuan! Maka apakah hukumnya mandi Safar itu? – Muhammad Hisham bin Abdul Manaf Kampung Jawa Road, Singapura.

Jawab: Mandi Safar itu biasa dikerjakan orang pada akhir Rabu bulan Safar, sama ada di bandar atau berkelah ke luar-luar bandar, di tepi laut dan di tepi pantai. Mereka hari ini meminum air yang ditulis di dalam mangkuk atau daripada kertas yang yang direndam ataupun dengan daun-daun yang ditulis dengan lafaz-lafaz yang maksudnya tertolak bala. Pada setengah-setengah tempat diadakan pula perayaan dan kesukaan-kesukaan dan ada pula di dalam hari itu diberi peluang anak gadis pingitan mereka keluarkan, di taman berkenalan-kenalan dengan belia-belia. Berkenaan dengan itu jawab ini kita bahagikan ke atas dua bahagian:

1) Mandi Safar dengan cara tersebut tadi tidak pernah dilaksanakan dan tidak pula diperintah atau dibolehkan oleh Rasullullah (SAW); sahabat-sahabatnya tidak pula mengerjakan dan demikian juga sekalian ulama ahli fikah yang terkenal seperti imam yang empat dan lain-lainnya tidak mengerjakannya. Dengan keterangan yang ringkas ini bolehlah diketahui bahawa mandi Safar itu ialah perbuatan bidaah mungkar – perbuatan bidaah yang terkeji yang tidak patut sama sekali kita buat – perkara ini dahulu telah banyak dibahas dan ditulis di dalam akhbar-akhbar.

2) Sememangnya pula keadaan-keadaan seperti di Melaka, “di Pantai

Berahi” di Kelantan di dalam mana di ada kesan pula perbuatan-perbuatan yang asi yang sudah tentu lebih-lebih lagi ditegah kerana yang demikian membawa kepada maksiat yang nyata. Oleh itu jauhilah daripada membuat pekerjaan itu jika tuan takut kepada hukum Allah!

-----*-----*

Al-Haji Umar bin Haji Abdullah, Keranji Wireless Station Singapura bertanya :-

- 1) Adakah adat itu lebih besar ertiinya daripada agama?
- 2) Adakah Adat Perpatih itu berlawanan dengan agama Islam apabila ditilik dari segi-segi ilmu faraid?
- 3) Sekiranya berlawanan maka tidakkah alim ulama yang memakai adat tersebut mengetahui akan kesalahan itu dan apakah hukumnya mereka itu?
- 4) Bolehkah kerajaan yang bukan Islam menjalankan pentadbiran yang berkenaan dengan urusan-urusan Islam?

Jawab : 1) Adat tidak lebih besar ertiinya daripada agama adat-adat yang baik dan yang tidak berlawanan dengan kehendak-kehendak agama adalah diraikan.

Ada berberapa banyak adat yang baik dan luas serta besar ertiinya dalam masyarakat pada zaman dahulu kala telah menjadi amalan agama Islam di antaranya fardhu Haji.

(2) Ada banyak juga perkara-perkara dalam Adat Perpatih yang baik pada masyarakat tetapi segi atau pada bahagian faraid itu adalah ia berlawanan dengan hukum agama.

(3) Tentu sekali alim ulama itu mengetahui akan kedudukan itu tetapi jangan salah faham adalah adat menurunkan harta pusaka kepada anak perempuan, mengikut adat pepatih itu telah menjadi undang-undang negeri dalam Negeri Sembilan.

(4) Kerajaan yang bukan Islam yang memerintah negeri Islam boleh menjalankan pentadbiran yang berkenaan dengan urusan-urusan agama asalkan pentadbirannya adalah mengikut peraturan dan hukum-hukum Islam.

-----*-----*

A. Ismail Zainal, Kuala Ketil, Kedah bertanya :-

Bagaimana caranya kita seorang Islam hendak berkahwin dengan seorang perempuan yang bukan Islam di sebuah negeri bukan Islam dan tidak ada orang Islam di dalamnya bagi menikahkannya?

Jawab: Orang Islam itu cuba mengislamkan perempuan itu kemudian berkahwinlah mengikut adat dan peraturan negeri itu. Orang-orang yang bukan Islam itu pun ada ijab qabulnya mengikut peraturan dan gaya mereka.

-----*-----*

Samad, Kukup, Johor, bertanya :-

1. Bagaimakah yang dikatakan nikah gantung itu?

2. Siapakah yang mula memberi nama itu?

Jawab : (1) Yang dikatakan nikah gantung itu ialah sesudah akad nikah maka masa bersatu ditangguhkan kepada suatu masa yang lain mengikut perjanjian kedua belah pihak. Ada yang sebulan, dua bulan, tiga bulan, enam bulan dan setahun atau lebih.

(2) Harus tiada dapat ditentukan siapa mula-mula memberi nama “nikah gantung” tetapi ada orang yang berkata bahawa peraturan itu telah dimulakan oleh junjungan kita Nabi Muhammad (SAW), apabila junjungan kita nikah dengan Saidatina Aishah radhiaLluhu anha. Pada masa itu Saidatina Aishah baharu berusia 7 tahun dan bersatunya beberapa tahun kemudian daripada itu.

-----*-----*

Pencita Perdamaian Masyarakat, Seremban bertanya :-

1. Seseorang lelaki sudah berkahwin tiada mempunyai rumah tangga sendiri, mana yang elok (1) diam di rumah mentua si lelaki itu kah (2) dibawa isteri itu diam di rumah ibu bapa suami?

2. Orang-orang Islam India, Mesir, Arab bila mereka berkahwin adakah si lelaki itu diam bersama-sama mentuanya

(seperti kebiasaan kita di sini) atau dibawanya isteri

itu ke rumah ibu bapanya?

3. Adakah satu-satu ikhtiar mengikut hukum agama Islam supaya “perceraian” berkurangan dalam kalangan pemeluk-pemeluknya?

Jawab: (1) Dalam perkara ini ada peribahasa berkata “tepuk dada tanya selera” yakni gunakanlah akal bicara sendiri iaitu kiranya sedap tinggal di rumah mentua (mertua) tingallah di situ dan jika tak sedap bawalah isteri itu tinggal bersama mertuanya pula. Tetapi hati si isteri mahulah dipelihara. Rasa dia tinggal bersama-sama dengan mertuanya hendaklah ditanya.

Sebaik-baik jalan ialah di sana tidak dan di sini tidak berjauh-jauh itu adalah menambahkan kuat lagi rat tali persaudaraan di antara kedua belah pihak.

(2) Orang-orang apa pun samalah juga keadaannya iaitu mengikut keadaan masing-masing pihak yang ada-ada tentulah suka hendak menambah bilangan keluarganya dan pihak yang kurang terpaksa beralih.

(3) Agama Islam mengajar pemeluk-pemeluknya berbagai-bagai macam peraturan dan tunjuk ajar supaya perceraian di antara suami isteri itu dapat dielakkan.

Islam mengajar kita akan sifat-sifat bertolak ansur pada perkara-perkara yang boleh mendatangkan persengketaan, Islam mengajar kita berkelakuan baik terhadap segala perkara dan kepada sesiapa juar, Islam memerintah kita supaya adil dalam segala hal dan kepada siapa sahaja, Islam mengajar kita berbuat baik kepada isteri kita dan menghormati mereka dan sebaliknya isteri pula menghormati dan taat kepada suaminya. Jikalau ajaran-ajaran itu semua diikut dan diturut dengan sebenar-benarnya nescaya kuranglah perceraian yang dimaksudkan itu.

Abu al-Mokhtar.

(sambungan daripada muka 10)

Atas binaan membaikkan masyarakat Islam di negeri ini!

Kedua-dua ini harus akan menjadi seperti keadaan pertubuhan agama yang dianjurkan oleh Maulana Abdul Alim pada bulan Januari 1949 dahulu yang hingga sekarang ini masih bertumbuh tetapi tidak ada nampak sesuatu kesan atau manfaat yang harus didapati oleh orang-orang Islam daripadanya tidak ada kesan yang patut diketengahkan daripadanya selain daripada besar bunyinya sedang pada suatu masa orang-orang Roman Katolik tidak pun muahu menunjukkan kerjasama kepadanya.

Dengan kerana tidak ada manfaat itulah sepatutnya kita menjauhkan daripada menghilangkan masa kita kepada usaha yang lebih memberi manfaat dan faedah serta kebajikan untuk kita, kerana kita sekarang kekurangan di dalam serba serbinya, kurang ini dan itu, kurang pembinaan kepada masyarakat agama pada hal agama lain telah lebih banyak usaha daripada kita untuk faedah orang-orang mereka itu.

Juga patut disebut bahawa perjumpaan itu dipandang

oleh setengah-setengah orang hanyalah perkakas jua yang menjadikan ada orang yang telah berani mengatakan dengan kerananya bahawasanya agama Islam itu dijadikan perkakas penjajahan.

Di Indonesia, sepanjang yang saya dengar, apabila Maulana Abdul Alim merancangkan rancangan yang demikian – menubuhkan pertubuhan agama-agama sedunia – ia telah ditubuh menjadi perkakas kerajaan Inggeris dan nampaknya usahanya di Jawa di dalam perkara ini tidak berjaya, dengan sebab-sebab orang-orang memandang tidak ada manfaat yang akan didapati daripadanya.

Saya percaya Jamiah telah tergesa-gesa mengambil sesuatu keputusan di dalam sesuatu perkara sebelum memikirkan manfaat dan faedah kepada umum orang-orang Islam di negeri ini kerana bekerja bagi faedah negeri ini adalah wajib didahulukan bukannya bekerja untuk faedah di luarnya pada hal keadaan di sini menghendakki tenaga dan usaha yang besar seperti mengadakan siaran-siaran dan pendakwah-pendakwah agama kepada Sakai dan lainnya dengan bukti – tidak hanya tinggal dalam perkataan jua – adanya.

KAMUS BAHASA INGGERIS -MELAYU

Disusun oleh Tuan Haji Shamsudin bin Muhammad Yunus.

Iaitu penyusun kamus Melayu yang terkenal.

Kamus Inggers-Melayu ini diakui lengkap tamat daripada A hingga Z dengan penerangan yang jelas, senang faham-mudah mengerti.

Sangat mustahak untuk semua sekolah-sekolah Melayu terutama guru-guru.

Harga sebuah \$3.00 (tambah belanja pos 35 sen).

Sekodi \$48.00 pesanlah segera kepada penerbitan :-

H.M.SHAH
51,BISHOP STREET,PENANG.

Sudah siap!!!

Pesan segera!!

Kitab

TA'LIM AL-LUGHATUL ARABBIYYAH

Kaedah pelajaran Nahu dan mempelajari bahasa Arab dengan jalan yang sehabis-habis mudah huraiannya dengan bahasa Melayu cukup terang serta disediakan beratus-ratus kalimah yang bermakna dan latihan-latihan bagi memudahkan paham dengan disediakan jawab-jawabnya pada muka yang akhir.

Dengan mempunyai kitab ini seolah-olah tuan menjemput seorang guru ke rumah tuan – harga sebuah \$2.00.
Sertakan belanja mengirim 10 sen mintalah kepada penyusunnya.

Muhammad Lazim bin Hj. Saim

Guru Besar Madrasah al-Arabiah, Kluang, Johor.